

05/10/1997

Tambah pameran sains

KOTA KINABALU: Sektor awam dan swasta di negeri ini diminta melipatgandakan usaha menganjurkan pameran atau kegiatan yang dapat melahirkan masyarakat yang mahir mengenai sains dan teknologi.

Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah, Tan Sri Bernard Dompok, berkata menerusi kegiatan sedemikian, ia dengan sendirinya membantu pencapaian matlamat negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Berucap merasmikan Pameran Astronomi anjuran bersama Planetarium Negara dan Persatuan Astronomi Sabah di Muzium Negeri, di sini semalam, beliau berkata, teknologi angkasa lepas adalah satu daripada bidang yang harus dipelajari secara mendalam.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini pernah menyatakan keinginan melihat rakyat Malaysia mencapai kecemerlangan dalam teknologi angkasa lepas.

Ketika ini, katanya, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam proses mewujudkan sekolah angkasa lepas yang pertama dan ia diyakini mendorong kepada penerokaan teknologi angkasa lepas secara mendalam.

"Sejak 1995, kita di Sabah mengalami banyak fenomena alam seperti gerhana matahari yang berlaku di kawasan Matunggong, Kudat, dan ia menuntut penyelidikan supaya ia difahami orang ramai.

"Maka dengan kewujudan Persatuan Astronomi sendiri dan pameran sebegini, ia dengan sendirinya membantu orang awam dan kalangan pelajar bagaimana fenomena alam seperti gerhana itu boleh berlaku," katanya.

Beliau memuji daya usaha bagi menganjurkan pameran itu kerana ia dengan sendirinya memberi kefahaman dan maklumat kepada orang ramai.

Dompok berkata, ketika ini cip mikro yang dihasilkan di negara ini kini digunakan dalam program penerokaan angkasa oleh Nasa.

(END)